

MAHATHIR ۵'۵'۵'

1980

KUALA LUMPUR, 16 MAC (BERNAMA)--SATU DASAR BELIA KEBANGSAAN YANG SESUAI BAGI NEGARA INI BERTERASKAN KEPADA AGAMA, ADAT DAN NILAI HIDUP YANG TERDAPAT DI NEGARA INI HENDAKLAH DIAJAKAN, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA, DALAM MENENTUKAN DASAR BELIA KEBANGSAAN ITU, SOAL NILAI-NILAI ISLAM PATUT DIKAJI DENGAN MENDALAM DAN DASR ITU MESTILAH DIPENGARUHI OLEH "ADAT DAN NILAI HIDUP YANG ADA PADA KITA".

BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR DASAR BELIA KEBANGSAAN ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU YAKIN DASAR TERSEBUT YANG CUKUP PAIK DAN BERKESAN DAPAT DIBENTUK UNTUK MENENTUKAN WUJUDNYA SATU ANGKATAN BELIA YANG DAPAT MENGAMBIL ALIH DARIPADA ORANG-ORANG DEWASA KELAK, "SEKIRANYA KITA BERPEGANG TEGUH DENGAN NILAI-NILAI DAN KEHENDAK AJARAN AGAMA ISLAM".

BAGAIMANAPUN BELIAU MENAMAH, MALANGNYA AJARAN ISLAM SEKARANG INI MEMPUYAI BANYAK TAFSIRAN DAN ADA PULA MEREKA YANG MEMPERALATKAN AGAMA SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI.

--PERSAMBUNG HM 1445

OLEH YANG DEMIKIAN TERDAPATLAH PENYELEWENGAN BERLAKU DAN  
"INI MEMBAWA KITA JAUH DARI MENCAPAI KEMAJUAN KERANA KITA BERPE-  
GANG KEPADA AGAMA YANG TIDAK BETUL TAFSIRANNYA YANG BOLEH  
MEMBAWA KEMUNDURAN KEPADA BELIA KITA," TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN PARA BELIA KHUSUSNYA YANG  
BERAGAMA ISLAM SUPAYA JANGAN HANYA MENGUTAMAKAN ISLAM DARI SEGI LUAR

SAJA TETAPI HENDAKLAH MENGAMALKAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA DAN  
MEMENTINGKAN APA YANG SEBENARNYA DITUNTUT OLEH ISLAM MISALNYA DALAM  
BIDANG MENUNTUT ISLMU, MENAMBAH PENGETAHUAN DAN MELANGKAPKAN DIRI  
UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRI DAN NEGARA DI SERANGAN MUSUH.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN PARA BELIA DI NEGARA INI  
SUPAYA BERSIKAP TIDAK LAGI MUDAH TERPENGARUH DENGAN SIKAP-SIKAP YANG  
BURUK DARI BARAT DAN JANGAN MUDAH MENIRU-MENIRU APA SAJA DARI BARAT  
TANPA MENGAMBIL KIRA DAN MENGAJAI DENGAN MENDALAM TENTANG BURUK BAIK  
-NYA TERLEBIH DAHULU.

BELIAU MEMBERI MISAL, DI AMERIKA SEKARANG INI SUDAH TIDAK  
ADA LAGI DEMONSTRASI TUNJUK PERASAAN TERHADAP ESTABLISHMENT KERANA  
SIKAP SEDEMIKIAN TELAH PUN USANG (OUT OF DATE) TETAPI DI NEGARA INI  
MASIH ADA LAGI SIKAP HENDAK BERDEMONSTRASI ITU.

"INI SUNGGUH MALANG BAGI NEGARA INI," TAMBAHNYA.

—BERSAMBUNG HM 1500

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 9'9'9'

BELIAU JUGA MENEKANKAN PAHAWA DALAM MENENTUKAN DASAR BELIA  
KEBANGSAAN, "KITA JUGA PERLU MENDAPAT PANDUAN DARIPADA APA YANG  
TELAH BERLAKU (SEJARAH), APA YANG SEDAN BERLAKU DI SEKE-  
LILING KITA DAN APA YANG TELAH BERLAKU KEPADA ORANG LAIN."

"DENGAN MEMBUAT PANDINGAN INI, DAPAT KITA TENTUKAN MANA YANG  
BAIK DAN YANG DAPAT DIAMALKAN DALAM MEMBENTUK DASAR BELIA  
KEBANGSAAN KITA," TAMBAHNYA.

SEMENTARA ITU MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, DATUK ABDUL  
SAMAD IDRIS YANG TURUT MEMBENTANGKAN ATU KERTAS KERJA DI SEMINAR  
ITU YANG BERTAJUK "NASIONALISME DAN DILEMA POLITIK MELAYU DARI  
SEGI PERSPEKTIF SEJARAH DAN PERMASALAHAN MASA DEPANNYA" MEMBERI-  
TAHU PARA PEMBERITA, SATU DASAR BELIA KEBANGSAAN YANG MERUPAKAN  
'DASAR KERAJAAN TERHADAP BELIA' AKAN DIGUJAL SECARA EXPLICIT  
UNTUK DIKEMUKAKAN KEPADA KERAJAA SETELAH MENDAPAT PANDANGAN-  
PANDANGAN DARI SEMINAR INI DAN JUGA DARI MAJLIS BELIA MALAYSIA.

KATANYA, MAJLIS PERUNDING BELIA NEGARA TELAH MEMBERI  
KUASA KEPADA BELIAU MELANTIK SEPUAH JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI  
SERAMAI LEBIH 20 ORANG UNTUK MEMPINCANGKAN DASAR TERSEBUT  
YANG DIKETUAI OLEH DATUK MOKHTAR HASHIM.

BELIAU BERKATA, DASAR TERSEBUT MUNGKIN DAPAT DIBUAT  
DAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 1981 NANTI.

—BERNAMA HM 1503